

17.7.2026

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.

CEO, PBAHB dan PBAPP.

JANA HASIL UNTUK BIAYA PROJEK BEKALAN AIR PENTING DI PULAU PINANG

- **Hasil tambahan daripada pelaksanaan tarif air baharu akan digunakan untuk membiayai sebahagian projek di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030).**
- **PBAPP telah memperuntukkan 87% daripada keuntungan tahun 2025 sebagai perbelanjaan modal (CAPEX) bagi pelaksanaan projek bekalan air di Pulau Pinang demi manfaat rakyat negeri ini.**
- **Rakyat Pulau Pinang adalah penerima manfaat utama daripada keuntungan PBAPP.**

PULAU PINANG, Jumaat, 17.7.2026: Pelaksanaan tarif air baharu yang munasabah di Pulau Pinang adalah perlu bagi menjana dana untuk membiayai projek-projek bekalan air yang penting dan mendesak, sekali gus memastikan bekalan air yang mencukupi pada masa hadapan.

Mulai 1 Julai 2026, kira-kira 82% isi rumah di Pulau Pinang hanya akan membayar tambahan maksimum RM0.08 sehari (atau RM2.55 sebulan), bagi bekalan air domestik. Ini kerana penggunaan air mereka adalah 35 meter padu (m³) atau kurang sebulan.

Bagi pengguna perniagaan yang menggunakan 500m³ air sebulan, kenaikan caj ialah RM2.59 sehari, (atau RM77.70 sebulan) bagi penggunaan bukan domestik.

Tambahan perbelanjaan sebanyak RM0.08 sehari bagi sebuah isi rumah, atau RM2.59 sehari bagi sebuah operasi perniagaan, adalah suatu kos yang munasabah untuk membiayai pembangunan infrastruktur bekalan air baharu yang diperlukan bagi memastikan Pulau Pinang mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk menyokong pertumbuhan sosioekonomi yang berterusan.

Orang ramai boleh melayari www.pba.com.my untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai tarif air baharu Pulau Pinang yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2026.

Hasil tambahan daripada pelaksanaan tarif baharu ini akan digunakan untuk membiayai inisiatif-inisiatif bekalan air seperti berikut:

- **Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Taman Mengkuang berkapasiti 114 juta liter sehari (JLH) di Seberang Perai Tengah (SPT) di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030);**

- Pengambilan tanah bagi pembinaan LRA Sungai Perai berkapasiti 136 JLH di SPT, yang juga merupakan projek di bawah WCP 2030;
- Pengambilan tanah serta kerja-kerja naik taraf di LRA Sungai Dua berkapasiti 1,342 JLH di Seberang Perai Utara (SPU), iaitu loji rawatan air terbesar dan paling penting di Pulau Pinang yang membekalkan air kepada 465,000 pengguna berdaftar di tanah besar dan pulau;
- Pengambilan tanah bagi pembinaan LRA Sungai Muda berkapasiti 114 JLH, juga di bawah WCP 2030; dan
- Pengambilan tanah serta pemasangan paip Macallum–Bukit Dumbar berdiameter 1.8 meter sepanjang 3.9 kilometer di bawah WCP 2030. Saluran paip ini akan menyokong penyaluran lebih banyak air terawat dari LRA Sungai Dua ke Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pinang pada masa hadapan.

Projek bekalan air tidak boleh ditangguhkan lagi

Dalam tempoh setahun, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pulau Pinang meningkat 7.3%, daripada RM121.4 bilion pada tahun 2024 kepada RM130.3 bilion pada tahun 2025. Pada masa yang sama, KDNK per kapita Pulau Pinang direkodkan sebanyak RM80,584.00 pada tahun 2025, iaitu 36.2% lebih tinggi daripada purata nasional sebanyak RM59,167.00.

Walaupun begitu, kadar purata tarif air domestik Pulau Pinang bagi penggunaan 35m³ pertama sebulan hanyalah RM0.93 bagi setiap meter padu, iaitu kedua terendah di Malaysia. Bagi pengguna bukan domestik pula, kadar purata bagi penggunaan 500m³ pertama sebulan ialah RM2.28 bagi setiap meter padu, iaitu 20% lebih rendah daripada purata nasional sebanyak RM2.85.

Pada Julai 2025, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengarahkan PBAPP menangguhkan pelaksanaan tarif air baharu selama setahun.

Sebarang penangguhan lanjut hanya akan melambatkan pembiayaan projek-projek WCP 2030 yang amat diperlukan bagi menyokong pertumbuhan sosioekonomi negeri menjelang tahun 2030. Penangguhan sedemikian adalah tidak bertanggungjawab kerana ia akan meningkatkan risiko berlakunya kekurangan bekalan air di Pulau Pinang sebelum atau menjelang tahun 2030.

Lebih banyak keuntungan PBAPP, lebih banyak manfaat kepada rakyat

Pelaksanaan tarif air baharu mulai 1 Julai 2026 dijangka menjana tambahan keuntungan kira-kira RM20 juta kepada PBAPP. Namun begitu, keuntungan tambahan ini akan diterjemahkan secara langsung kepada pembangunan infrastruktur bekalan air yang lebih baik di Pulau Pinang.

PBAPP bukan dimiliki oleh mana-mana individu kaya atau keluarga korporat. Sebaliknya, PBAPP ialah anak syarikat utama PBA Holdings Bhd (PBAHB), sebuah syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tersenarai di Bursa Malaysia. Pemegang saham terbesar PBAHB ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSP) yang memegang 55% saham serta satu saham khas (*golden share*).

Sehubungan itu, Ketua Menteri Pulau Pinang dilantik sebagai Pengerusi PBAPP dan PBAHB. Ketua Menteri serta semua pegawai awam yang menganggotai Lembaga Pengarah PBAPP dan PBAHB tidak memiliki sebarang saham dalam PBAHB.

Demi kepentingan awam, Lembaga Pengarah PBAHB telah memperuntukkan kira-kira 87% daripada keuntungan selepas cukai (PAT) berjumlah RM114.5 juta bagi tahun 2025 sebagai perbelanjaan modal (CAPEX) untuk projek-projek bekalan air di Pulau Pinang pada tahun 2026. Baki 13% PAT pula sebahagian besarnya diagihkan sebagai dividen kepada para pemegang saham.

Ringkasnya, PBAHB melaburkan semula sebahagian besar keuntungan selepas cukai tahun 2025 bagi membiayai projek-projek bekalan air di Pulau Pinang. Oleh itu, penerima manfaat utama daripada keuntungan tersebut sebenarnya ialah 721,066 pengguna air berdaftar di Pulau Pinang.

Pada tahun hadapan iaitu 2027, PBAHB akan terus melaburkan semula sebahagian besar PATnya bagi membiayai pembangunan infrastruktur bekalan air tambahan di Pulau Pinang.

Langkah ini perlu kerana penggunaan air di Pulau Pinang dijangka meningkat daripada 865 JLH pada tahun 2025 kepada 1,162 JLH atau lebih menjelang tahun 2032. Unjuran ini adalah berdasarkan data yang diterima daripada:

- Syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang sedang mengembangkan atau membina kemudahan pembuatan baharu;
- Pemaju hartanah yang membangunkan kawasan perumahan dan komersial baharu; dan
- projek-projek pembangunan utama seperti Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3) di Seberang Perai Selatan dan Silicon Island A di pesisir selatan Pulau Pinang.

Sehingga pertengahan tahun 2026, kebanyakan projek ini sama ada sedang dilaksanakan atau berada di peringkat akhir perancangan.

Dakwaan mengelirukan

Justeru, orang ramai tidak seharusnya terpengaruh dengan dakwaan bahawa “PBAPP masih boleh menanggungkan kenaikan tarif air selama setahun lagi” atau bahawa “Kerajaan Persekutuan boleh menyediakan pinjaman atau geran bagi membiayai semua projek bekalan air.”

Sekiranya dakwaan tersebut benar, Kerajaan Persekutuan tidak perluewartakan tarif air baharu bagi 10 negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 30 Julai 2025. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan boleh sahaja menyalurkan geran atau pinjaman untuk semua projek bekalan air di semua negeri.

Pada masa ini juga, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan lima projek pembangunan sumber air mentah untuk Pulau Pinang dengan anggaran kos RM838 juta. Projek peningkatan kapasiti bekalan air terawat seperti WCP 2030 merupakan tanggungjawab operator bekalan air berlesen negeri seperti PBAPP.

Jika dakwaan tersebut benar, PBAPP juga tidak perlu melancarkan Program Sukuk RM5 bilion pada 8.7.2025. Hakikatnya, keuntungan tahunan PBAHB sahaja tidak mencukupi untuk membiayai projek-projek bekalan air yang amat diperlukan oleh Pulau Pinang menjelang tahun 2030. Jumlah pelaburan yang diunjurkan bagi enam projek WCP 2030 yang masih berbaki adalah sekitar RM2.1 bilion, dan kesemuanya perlu disiapkan dalam tempoh hanya enam tahun.

Program sukuk ini diwujudkan bagi menyediakan pembiayaan pelengkap kepada projek-projek WCP 2030. Pada masa yang sama, ia memastikan PBAPP mempunyai peruntukan CAPEX yang mencukupi untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan naik taraf infrastruktur bekalan air yang lain, di samping mengekalkan rizab perbelanjaan operasi (OPEX) yang kukuh bagi memastikan bekalan air yang berterusan dalam era perubahan iklim dan ketidakpastian ekonomi global.

PBAPP mesti memastikan paip-paip air di Pulau Pinang tidak akan kering menjelang tahun 2030, walau apa jua cabarannya, demi menjamin kemajuan dan masa depan negeri yang lebih mampan.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
E-mel : syarifah@pba.com.my